

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, August 8, 2018 9:20 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara Ke-3, 2018 Fokus Kepentingan Penyelidikan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

8 OGOS 2018 / 26 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon

Gambar oleh: Pusat Penyelidikan Koridor Utara

SEMINAR KEBANGSAAN TRANSFORMASI SOSIO-EKONOMI WILAYAH UTARA KE-3, 2018 FOKUS KEPENTINGAN PENYELIDIKAN



UUM ONLINE: Ipoh, Perak - Bertemakan "Pertumbuhan Inklusif Melalui Kelestarian Anjakan Sosial dan Inovasi," Pusat Penyelidikan Koridor Utara (NCRC), Universiti Utara Malaysia (UUM) sekali lagi berjaya menganjurkan Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara.

Seminar kali ketiga ini merupakan kesinambungan daripada seminar yang pertama pada 13-14 Disember 2012 di Pulau Pinang; dan yang kedua pada 25-26 Februari 2015 di Kedah

dengan memfokuskan tentang kepentingan penyelidikan dalam usaha transformasi sosio-ekonomi bagi memacu pertumbuhan ekonomi di wilayah utara.

Perasmian seminar ini telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Abdul Malek Abdul Karim.

Beliau dalam ucapan perasmiaannya berkata agenda transformasi menjadi sangat mendesak khususnya dalam langkah-langkah akhir untuk terus membangun dan menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

"Sejak 61 tahun negara mencapai kemerdekaan, masyarakat Malaysia telah melalui pelbagai proses transformasi yang meliputi aspek ekonomi, sosial, pendidikan, budaya, politik, teknologi dan lain-lain lagi.

"Dalam konteks penyelidikan, perbincangan proses transformasi ini dianalisis dan diteliti dari aspek pembangunan sosialnya," ujarnya.

Tambah beliau, perancangan pembangunan yang teratur dan berkesan serta komitmen secara menyeluruh daripada pihak kerajaan Pusat, swasta dan penduduk negeri di wilayah utara Semenanjung Malaysia diharap akan melancarkan proses pembangunan dan mampu mencapai matlamat yang disasarkan.

"Dalam hal ini, warga UUM yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan dalam bidang-bidang tertentu khususnya dalam bidang ekonomi, kewangan, keusahawanan, pengurusan, pembangunan, pendidikan dan teknologi maklumat ingin menawarkan perkhidmatan kami untuk bersama membangunkan kemajuan negeri-negeri di wilayah utara.

"UUM akan mengembleng tenaga bersama agensi kerajaan dan swasta yang telah dikenal pasti akan bersama memikirkan kaedah dan strategi berkesan untuk menjayakan program yang akan diatur untuk mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan," kata beliau.

Objektif seminar yang berlangsung selama dua hari ini antaranya ialah berkongsi input-input mengenai pembangunan di wilayah utara kepada agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi mengenal pasti serta meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan program pembangunan lestari untuk manfaat pembangunan di wilayah utara.

Sebanyak 45 kertas kerja penyelidikan berjaya dikumpulkan pada seminar ini merangkumi sembilan (9) sub-tema, iaitu Perspektif Islam; Pemerkasaan Wanita dan Minoriti; Sosio-Ekonomi; Pendidikan dan Modal Insan; Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT); Pelancongan dan Warisan; Pembangunan dan Libatsama Komuniti; Keusahawanan; dan Kelestarian dan Pembangunan Wilayah.

Selain sesi pembentangan seminar ini turut diisi dengan ucap utama bertajuk *IR4.0 and It's Implication To The Northern Region: Case of Perak* oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Darul Ridzuan (IDR) merangkap Felo Adjung NCRC, Dr Mazalan Kamis dan Peranan Libatsama Universiti-Komuniti Terhadap Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara oleh Pengarah Eksekutif, Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN), Prof. Dato' Dr. Aileen Tan Shau-Hwai serta perkongsian ilmu *Experiential Art Therapy Workshop - Expressive Arts Inspiration: A path to handle our Inner Critics* yang dikendalikan oleh Felo Penyelidik NCRC, Dr Azizah Abdullah.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.